

**Demo mansuh PTPTN gagal capai sasaran  
Utusan Online  
15 April, 2012**

KUALA LUMPUR 14 April - Penganjuran demonstrasi menuntut supaya pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dimansuhkan gagal menarik penglibatan golongan mahasiswa.

Tinjauan *Mingguan Malaysia* hari ini mendapati, demonstrasi hambar anjuran kumpulan Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM) di Dataran Merdeka itu hanya disertai kurang daripada 200 mahasiswa.

Ia merupakan jumlah yang jauh lebih kecil berbanding sasaran awal penganjur iaitu 5,000 peserta terutama di kalangan mahasiswa dari seluruh institusi pengajian tinggi (IPT).

Demonstrasi yang bermula pada pukul 2 petang itu turut memberi kesan kepada keadaan lalu lintas sekitar kawasan Dataran Merdeka apabila banyak kenderaan terperangkap dalam kesesakan.

Kesesakan bertambah teruk apabila peserta-peserta demonstrasi mula berarak dari Dataran Merdeka ke pusat membeli-belah Sogo dan kembali semula ke Dataran Merdeka.

Situasi berkenaan mengundang rasa marah serta tidak puas hati pengguna jalan raya apabila mereka terpaksa mengharungi kesesakan luar biasa pada cuti hujung minggu.

Kegagalan penganjuran demonstrasi itu turut diakui beberapa blog pro pembangkang yang menyifatkannya sebagai sangat memalukan.

Malah blog Suara Pakatan Rakyat di <http://suarapakatanrakyat.com> menuding jari kepada ketua demonstrasi, Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Adam Adli sebagai punca kegagalan.

"Apa masalahnya? Bukankah Adam Adli sahaja didakwa mempunyai sokongan beribu mahasiswa, kenapa nak mengumpulkan 5,000 orang peserta pun tidak mampu? Begitu juga dengan SMM yang dikatakan mewakili puluhan ribu mahasiswa lain di merata tempat dalam negara.

"Sudah tentu silapnya adalah dengan Adam Adli sendiri," kata blog berkenaan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Zulkarnain Abdul Rahman berkata, pihaknya akan menjalankan pemantauan di Dataran Merdeka bermula malam ini berikutan tindakan SMM yang mahu berkampung di kawasan tersebut sehingga 28 April ini.

"Tindakan itu diambil bagi mengelakkan kumpulan pelajar berkenaan menimbulkan kekacauan dan mengganggu ketenteraman awam," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0415&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_18.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0415&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_18.htm)